

AMILOZIDE TABLET

(AMILORIDE HYDROCHLORIDE DIHYDRATE 5MG & HYDROCHLOROTHIAZIDE 50MG)

Patient Information Leaflet

WHAT IS IN THIS LEAFLET

This leaflet answers some common questions about **AMILOZIDE TABLET**. It does not contain all the available information. It does not take the place of talking to your doctor or pharmacist. Please read this entire leaflet carefully before you start to take your medicine. This medicine is for you. Never give it to other people even if their condition appears to be the same as yours. If you have any questions about this medicine ask your pharmacist. Keep this leaflet, you may need to read it again.

1. WHAT IS AMILOZIDE USED FOR

AMILOZIDE is used to lower high blood pressure. It is also used to reduce the excess amount of fluid in body in patient suffering oedema (swelling of the ankles, feet or legs) and ascites due to liver disease, causing accumulation of fluid in stomach area.

2. HOW AMILOZIDE WORKS

AMILOZIDE is a combination of two diuretics, amiloride hydrochloride dihydrate and hydrochlorothiazide as the active ingredients. **AMILOZIDE** helps reduce the amount of excess fluid in the body by increasing the amount of urine produced, while at the same time, preventing potassium loss. This helps reduce high blood pressure and some forms of swelling, while at the same time helping to maintain normal levels of potassium in your blood.

3. BEFORE YOU TAKE AMILOZIDE

Do not take this medicine if

- You are allergic to the active ingredient or any ingredients in the formulation or any other similar medicines especially of sulfonamide-derived drugs (eg.: sulfasalazine, indapamide)
- You have or have had any of the following medical conditions:
 - Addison's disease, in which patient's adrenal gland did not produce sufficient of their hormones.

- Porphyria, a rare disorder causing abnormal iron pigment production in blood and muscles
- High potassium level or taking potassium supplement
- Kidney problems
- Severe liver problems
- On lithium therapy
- On spironolactone or triamterene (diuretics)

If you are not sure whether you should start taking **AMILOZIDE**, talk to your doctor.

Before you start taking this medicine

Tell your doctor if you have allergies to any other medicines, food, preservatives or dyes.

Tell your doctor if you have or have had any medical conditions, especially:

- High potassium/ calcium level in blood.
- kidney problems
- liver problems
- diabetes
- electrolyte imbalances
- gout
- high cholesterol
- have gallstones
- history of suffering from systemic lupus erythematosus (a form of severe skin inflammation)

Inform your doctor if you are pregnant.

Taking other medicines

Tell your doctor or pharmacist if you are taking any other medicines, including any that you get without a prescription.

These medicines may be affected by **AMILOZIDE**, or may affect how well it works. You may need different amount of your medicines, or you may need to take different medicines. Inform your doctor or pharmacist if you are taking the medicines listed below:

- Other potassium-conserving medicines (e.g: spironolactone, canrenone, triamterene)
- potassium supplements
- lithium, used for mental illness,
- Alcohol
- barbiturates (eg. phenobarbital for epilepsy)
- narcotic (eg. pethidine, fentanyl to relief pain)

- medicines for diabetes (eg: chlorpropamide, insulin)
- cholestyramine and colestipol resins, for lowering cholesterol
- digitalis glycosides used in heart failure treatment (e.g: digoxin)
- medicines which may change the way the heart beat (eg: astemizole, dofetilide, droperidol, terfenadine, halofantrine, pimozide and sotalol)
- trimethoprim, an antibiotic commonly used in treatment of urinary tract infections
- other blood pressure lowering medicines (eg: methyl dopa, guanethidine, angiotensin converting enzyme-inhibitor, beta blockers, angiotensin II receptor antagonist)
- trilostane, used for Cushing's Syndrome (a hormone disorder due to high level of cortisol hormone in the blood)
- cyclosporine or tacrolimus (immunosuppressant) used in organ transplant surgeries.
- carbenoxolone for ulcers
- quinidine and dofetilide for irregular heart beat
- allopurinol for high uric acid treatment
- tetracycline antibiotics
- medicines for Parkinson's disease (amantadine, diazoxide)
- dopamine (to correct hemodynamic balance in shock syndromes or heart failure)
- dofetilide (for irregular heart beat)
- medicines to prevent blood clot (eg. warfarin)
- sodium polystyrene sulphonate used to treat high potassium level
- corticosteroids (steroid hormones)
- medicines used during emergency situation (eg. norepinephrine)
- medicines used to relax muscles during surgery (eg. tubocurarine, atracurium)
- non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs) eg. ibuprofen to relieve pain
- calcium-containing medications and medicines that reduce potassium salt in the body eg. diuretics and liquorice
- Amilozide may interfere with the results of parathyroid function test

Your doctor and pharmacist have more information on medicines to be careful

with or avoid while taking **AMILOZIDE**.

Pregnancy and lactation

If you are pregnant or plan to breastfeed while taking this medicine, consult with your doctor immediately. Your doctor will advise you on the risks and benefits of taking Amilozide in these conditions.

4. HOW TO TAKE AMILOZIDE

Take your medication exactly as directed by your doctor.

How much to take:

1 or 2 tablets daily in divided dose. If necessary, your dose may be increased but not exceeding, 4 tablets daily.

How to take:

Swallow the tablet with a glass of water.

When to take:

It is advisable to take it in the morning, during breakfast time and the second dose (if any) should be taken early evening as diuretic might disturb sleep.

How long to take it

Continue taking your medicine for as long as your doctor tells you. This medicine helps to control your condition, but does not cure it. It is very important that you do not stop taking this medicine suddenly.

If you forget to take it

Take your dose as soon as you remember, and continue to take it as you would normally. If it is almost time for your next dose, skip the dose you missed and take your next dose when you are meant to. Do not take a double dose to make up for the dose that you missed. If you are not sure what to do, ask your doctor or pharmacist.

If you take too much

If you or anyone else takes too many tablets, tell your doctor or go to your nearest hospital emergency department immediately. Do this even if there are no signs of discomfort or poisoning. Take the carton or any remaining tablets you have with you.

Symptoms of an overdose may include dehydration and electrolyte imbalance (eg. cramps, muscle weakness, irregular heartbeat)

5. WHILE YOU ARE USING AMILOZIDE

Things you must do

- If you are about to be started on any new medicine, remind your doctor and pharmacist that you are taking **AMILOZIDE**
- Tell any other doctors, dentists, and pharmacists who treat you that you are taking **AMILOZIDE**.
- If you are going to have surgery, tell the surgeon or anaesthetist that you are taking **AMILOZIDE**. It may affect other medicines used during surgery.
- If you are about to have any blood tests or x-rays, tell your doctor that you are taking **AMILOZIDE**. It may interfere with the results of some tests.
- Keep all of your doctor's appointments so that your progress can be checked.
- Tell your doctor if you become pregnant while taking **AMILOZIDE**.

Things you must not do

- Do not give **AMILOZIDE** to anyone else, even if they have the same condition as you.
- Do not stop taking **AMILOZIDE** or lower the dosage without checking with your doctor.
- Do not take **AMILOZIDE** to treat any other complaint unless your doctor tells you to.

Things to be careful of

- **AMILOZIDE** may cause weakness, fatigue, dizziness, reduced consciousness and vertigo in some patients. If you have any of these symptoms, do not drive, operate machinery or do anything else that could be dangerous.

6. POSSIBLE SIDE EFFECTS

Do not be alarmed by the list of side effects. You may not get them.

Like all medicines, **AMILOZIDE** can cause side effects, although not everybody gets them. The following side effects may happen with this medicine:

- Headache
- Dizziness
- Reduced consciousness
- Weakness, tiredness,

- Muscle pain (back, joint or leg), muscle cramps
- Numbness
- Nausea, vomiting
- Diarrhea, constipation
- changes in appetite
- bloating, flatulence
- thirst
- hiccups
- Increased potassium salt level
- electrolyte imbalances (eg. low sodium, low magnesium or high calcium level)
- dehydration
- gout, increased uric acid level
- gallstones
- vertigo (dizziness or spinning sensation)
- paresthesia (numbness or tingling sensation)
- insomnia
- nervousness, depression, confusion
- sleepiness
- visual disturbances
- Stuffy nose
- Sensitive to light
- Changes in taste
- Irregular heart beat, rapid heart beat
- orthostatic hypotension (sudden reduction of blood pressure during posture changes, eg. standing up from sitting position, causing dizziness or fainting),
- passing less urine than normal
- frequent urination at night
- loss of bladder control (incontinence)
- rash, itchiness
- sweating
- flushing

Tell your doctor immediately if you notice the following side effects:

- Gastrointestinal bleeding (bloody diarrhea, black tarry or sticky stool)
- Inflammation of pancreas
- Liver function impairment
- Blood disorders (low white blood cells, platelets, and red blood cells)
- Kidney function impairment
- Chest pain
- Shortness of breath
- Severe skin reaction (rash, redness, blisters or peeling of skins)

Tell your doctor or pharmacist if you notice anything else that is making you feel unwell. Other side effects not listed above may also occur in some people.

7. HOW TO STORE *AMILOZIDE*

Storage

Keep medicines in original packaging. Store in a cool (below 30°C), dry place, away from direct heat and light and excessive moisture. Do not leave your medicine in the car.

Keep all medicines out of the reach of children.

Disposal

Medicines should not be disposed of via household waste. Ask your doctor and pharmacist how to dispose of medicines.

8. PRODUCT DESCRIPTION

What *AMILOZIDE* looks like and contents of the pack.

Orange rhombus biconvex tablet

Active ingredient: Each tablet contains Amiloride hydrochloride dihydrate 5.0 mg and Hydrochlorothiazide 50.0mg

Other ingredients: lactose monohydrate, corn starch, sodium starch glycolate, pre-gelatinize starch, talc, polysorbate 80, magnesium stearate

Packing: Blisters of 10 x10's and 50 x 10's tablets per box

Registration No: MAL09072804A

9. MARKETING AUTHORISATION HOLDER AND MANUFACTURER

Manufactured by

T.O. Chemicals (1979) Limited,
280 Soi Sabajjai, Suthisarn Road,
Bangkok 10320, Thailand.

Product Licence Holder:

Prestige Pharma
No. 22A, Jalan Wangsa Delima 2A,
Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Authorized Importer and Distributor:

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 1 & 2, Jalan 6/33B,
MWE Commercial Park,
52000 Kuala Lumpur, Malaysia

Date of revision: November 2011

AMILOZIDE TABLET

(AMILORIDE HYDROCHLORIDE DIHYDRATE 5MG & HYDROCHLOROTHIAZIDE 50MG)

Risalah Maklumat Pengguna

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

Risalah ini menjawab soalan-soalan umum mengenai **AMILOZIDE TABLET**. Ia tidak mengandungi semua maklumat mengenai ubat ini. Risalah ini hanyalah sebagai rujukan, ia tidak menggantikan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi. Sila baca dan fahami seluruh kandungan risalah ini sebelum anda mula mengambil ubat anda. Ubat ini adalah untuk anda, jangan memberikannya kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda. Jika anda mempunyai sebarang persoalan mengenai ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda. Simpan risalah ini, anda mungkin perlu membacanya lagi.

1. APAKAH KEGUNAAN AMILOZIDE

AMILOZIDE digunakan untuk menurunkan tekanan darah. Ia juga digunakan untuk mengurangkan kandungan air dalam badan pesakit yang mengalami edema pada bahan kaki dan ascites (disebabkan oleh penyakit hati) yang menyebabkan pengumpulan air dalam bahagian perut.

2. BAGAIMANA AMILOZIDE BERFUNGSI

AMILOZIDE merupakan kombinasi dua jenis diuretik, amiloride hydrochloride dihydrate dan hydrochlorothiazide sebagai bahan aktif. **AMILOZIDE** membantu mengurangkan kandungan air dalam badan dengan menambahkan kekerapan pembuangan air kecil dan pada masa yang sama menghalang kehilangan potassium daripada badan. Ini membantu menurunkan tekanan darah dan kebengkakan dan pada masa yang sama mengekalkan tahap potassium dalam darah.

3. SEBELUM MENGAMBIL AMILOZIDE

Jangan mengambil ubat ini sekiranya

- Anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif atau bahan lain dalam formulasi ini terutamanya ubat daripada kumpulan sulfonamide. (cth: sulfasalazine, indapamide)

- Anda mengalami atau pernah mengalami masalah kesihatan:

- Penyakit Addison, keadaan di mana kelenjar adrenal pesakit tidak menghasilkan hormon yang secukupnya.
- Porphyria, penyakit yang jarang berlaku yang menyebabkan penghasilan pigmen tidak normal dalam darah dan otot.
- Tahap potassium yang tinggi dalam darah atau anda mengambil supplemen potassium.
- Masalah ginjal
- Masalah hati yang serius
- Sedang menjalani terapi lithium
- Mengambil ubat diuretik seperti spironolactone atau triamterene

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil **AMILOZIDE**, bincang dengan doktor anda.

Sebelum anda mula mengambil ubat ini Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai alahan terhadap ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna yang lain.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengalami penyakit-penyakit berikut, terutamanya:

- Tahap potassium/kalsium yang tinggi dalam darah
- Masalah ginjal
- Masalah hati
- Penyakit kencing manis
- Ketidakseimbangan elektrolit badan
- Gaut
- Tahap kolesterol tinggi
- mempunyai batu karang
- Pernah mengalami *systemic lupus erythematosus* (sejenis keradangan kulit yang serius)

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda hamil.

Mengambil ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil ubat lain, termasuk yang didapatkan tanpa preskripsi.

Keberkesanan ubat-ubat berikut mungkin dipengaruhi oleh **AMILOZIDE**, anda mungkin perlu mengubah dos atau mengambil ubat lain. Maklumkan kepada doktor atau ahli

farmasi anda sekiranya anda mengambil ubat berikut:

- Ubat yang mengekalkan potassium dalam badan (cth: spironolactone, canrenone, triamterene)
- Supplemen potassium
- lithium, untuk penyakit mental
- Alkohol
- barbiturat (cth: phenobarbital untuk epilepsi)
- narkotik (cth: pethidine, fentanyl untuk melegakan kesakitan)
- ubat-ubat untuk penyakit kencing manis (cth: chlorpropamide, insulin)
- cholestyramine dan colestipol resins, untuk mengurangkan tahap kolesterol badan.
- Glikosida jenis digitalis yang digunakan dalam rawatan kegagalan jantung (cth: digoxin)
- Ubat-ubat yang mungkin mengubah cara jantung berdegup (cth: astemizole, dofetilide, droperidol, terfenadine, halofantrine, pimozide dan sotalol)
- Trimethoprim, antibiotik untuk rawatan jangkitan salur kencing
- ubat untuk menurunkan tekanan darah (cth: methyldopa, guanethidine, angiotensin converting enzyme-inhibitor, beta blockers, angiotensin II receptor antagonist)
- trilostane, digunakan dalam rawatan Sindrom Cushing (gangguan hormon yang disebabkan oleh tahap hormon kortisol yang tinggi dalam darah)
- cyclosporin atau tacrolimus (imunopresan) yang digunakan dalam pemindahan organ.
- Carbenoxolone, untuk rawatan ulser
- Quinidine dan dofetilide untuk degupan jantung tidak tetap
- allopurinol untuk rawatan asid urik tinggi
- antibiotik tetrasiklin
- ubat untuk penyakit Parkinson (cth: amantadine, diazoxide)
- dopamine (untuk membetulkan keseimbangan hemodinamik untuk pesakit yang mengalami kekejutan atau kegagalan jantung)
- dofetilide (untuk degupan jantung tidak tetap)
- ubat untuk menghalang pembekuan darah (cth: warfarin)
- sodium polystyrene sulphonate untuk rawatan pesakit dengan tahap potassium darah tinggi
- Kortikosteroid (hormon steroid)

- ubat yang digunakan semasa kecemasan (cth: norepinephrine)
- ubat yang digunakan semasa pembedahan (cth: tubocurarine, atracurium)
- ubat anti-inflamatori bukan steroid (NSAIDs) cth: ibuprofen untuk meredakan kesakitan
- ubat yang mengandungi kalsium dan ubat untuk menurunkan tahap potassium dalam badan, cth: ubat diuretik dan likuoris.
- Amilozide mungkin mengganggu keputusan ujian fungsi paratiroid.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih maklumat tentang ubat-ubat yang boleh diambil atau perlu dielakkan semasa mengambil **AMILOZIDE**.

Semasa mengandung dan menyusu bayi

Sekiranya anda hamil atau merancang untuk menyusukan bayi semasa mengambil **AMILOZIDE** sila maklumkan kepada doktor. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat pengambilan **AMILOZIDE** semasa hamil dan menyusukan bayi.

4. CARA MENGAMBIL AMILOZIDE

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Berapa banyak perlu diambil

1 atau 2 biji sehari, dan diambil dalam dos yang dibahagikan. Jika perlu, dos anda mungkin akan ditambahkan, tetapi tidak melebihi 4 biji sehari.

Cara mengambil

Telan ubat bersama segelas air

Bila perlu diambil:

Adalah dinasihatkan untuk mengambil **AMILOZIDE** pada sebelah pagi semasa bersarapan, dan dos kedua pada sebelah petang, ini disebabkan ubat diuretik mungkin mengganggu tidur.

Berapa lama perlu diambil

Ambil **AMILOZIDE** selagi diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini membantu untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Jangan berhenti mengambil ubat ini dengan mendadak.

Jika terlupa mengambil

Jika anda lupa satu dos, ambil sejurus anda teringat, tetapi sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, anda bolehlah cuma mengambil dos seterusnya. Jangan sesekali mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil **AMILOZIDE** secara berlebihan, anda hendaklah pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda dengan segera. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat biji yang selebihnya dengan anda.

Tanda-tanda terlebih dos termasuklah kehilangan air berlebihan (penyahhidratan) dan ketidakseimbangan elektrolit badan (cth: kekejangan, lemah otot, degupan jantung tidak tetap).

5. SEMASA MENGGUNAKAN AMILOZIDE

Perkara yang perlu dilakukan

- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor anda yang anda sedang mengambil **AMILOZIDE**.
- Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang anda mengambil **AMILOZIDE**.
- Sekiranya anda akan menjalani pembedahan, maklumkan kepada pakar bedah atau pakar bius anda yang anda mengambil **AMILOZIDE**. Ia mungkin mengganggu kesan ubat lain yang digunakan semasa pembedahan.
- Sekiranya anda akan menjalani ujian darah atau mengambil gambar sinar-X, maklumkan kepada doktor anda yang anda sedang mengambil **AMILOZIDE**. Ia mungkin mengganggu keputusan bagi sesetengah ujian.
- Pastikan anda menjalani rawatan susulan untuk memeriksa perkembangan anda.
- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda hamil semasa mengambil **AMILOZIDE**.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan **AMILOZIDE** kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama dengan anda.
- Jangan berhenti mengambil **AMILOZIDE** atau mengubah dos anda tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan menggunakan **AMILOZIDE** untuk merawat penyakit lain kecuali atas nasihat doktor.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin semasa mengambil **AMILOZIDE**. Ubat ini mungkin menyebabkan kelemahan, letih, pening dan ketidakedaran pada sesetengah orang. Sekiranya anda mengalami simptom-simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan aktiviti yang berbahaya.

6. KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti ubatan lain, **AMILOZIDE** boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan-kesan sampingan berikut mungkin berlaku:

- Sakit kepala
- Pening
- Kesedaran berkurang
- Lemah, keletihan
- Sakit otot (belakang, sendi atau kaki), kejang otot
- Kekebasan
- Loya, muntah
- cirit-birit, sembelit
- selera makan berubah
- rasa kembung dan angin
- rasa dahaga
- tersedu
- tahap potassium meningkat
- ketidakseimbangan elektrolit badan (cth: tahap natrium dan magnesium rendah, tahap kalsium tinggi)
- Penyahhidratan
- Gaut, tahap asid urik meningkat
- Batu karang
- Gayat (pening dan rasa berpusing)
- parestesia (rasa kebas atau menusuk)
- tidak dapat tidur atau sukar untuk tidur (insomnia)
- gementar, kemurungan dan keliru
- rasa mengantuk
- gangguan penglihatan
- hidung tersumbat

- sensitif kepada cahaya
- perubahan dalam deria rasa
- degupan jantung tidak tetap, degupan jantung deras
- hipotensi ortostatik (tekanan darah menurun secara tiba-tiba semasa pertukaran postur , cth: berdiri dari posisi menduduk, menyebabkan kepeningan atau pengsan)
- air kencing kurang daripada normal
- kerap membuang air kecil pada waktu malam
- tidak dapat mengawal pemuangan air kencing
- ruam dan gatal-gatal
- berpeluh
- muka merah

Maklumkan kepada doktor dengan segera sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan berikut:

- pendarahan gastrousus (cirit-birit berdarah, najis hitam atau melekit)
 - Radang pada pankreas
 - Fungsi hati terganggu
 - Penyakit sel-sel darah (bilangan sel darah putih, platelet dan sel darah merah berkurang)
 - Fungsi ginjal terganggu
 - Sakit dada
 - Sesak nafas
 - Reaksi kulit yang serius (ruam, kemerahan, melecet, kulit mengelupas)

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda rasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan mungkin berlaku pada sesetengah orang..

7. CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AMILOZIDE

Cara penyimpanan

Simpan ubat dalam bungkus asal. Simpan di tempat sejuk (bawah 30°C) dan kering. Jauhi daripada kepanasan, cahaya dan kelembapan yang berlebihan. Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak sepatutnya dibuang seperti biasa. Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mengetahui cara pelupusan yang sepatutnya.

8. MAKLUMAT LANJUT

Rupa, kandungan dan pembungkusan AMILOZIDE

Tablet dwicembung rombus dan berwarna jingga

Bahan aktif: setiap tablet mengandungi Amiloride hydrochloride dihydrate 5.0 mg dan hydrochlorothiazide 50.0mg

Bahan lain: lactose monohydrate, corn starch, sodium starch glycolate, pre-gelatinize starch, talc, polysorbate 80, magnesium stearate

Pembungkusan: Strip blister 10 x10's dan 50 x 10's tablet sekotak

No. Pendaftaran: MAL09072804A

9. PEMEGANG PENDAFTARAN DAN PENGILANG

Pengilang

T.O. Chemicals (1979) Limited,
280 Soi Sabaijai, Suthisarn Road,
Bangkok 10320, Thailand.

Pemegang pendaftaran produk

Prestige Pharma
No. 22A, Jalan Wangsa Delima 2A,
Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Pengimport dan pembekal

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 1 & 2, Jalan 6/33B,
MWE Commercial Park,
52000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini

November 2011